

**UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS
JAMUAN NEGERI, DI KOTA KINABALU PADA
24HB JUN, 1971**

T.Y.T. Yang Dipertua Negara dan Toh Puan Hajjah Dayang Kusnah, Y.A.B. Tun Datu Haji Mustapha dan Toh Puan Hajjah Rahmah, Y.B. Datuk Ghani Gilong, Y.B. Menteri-menteri Kerajaan Negeri, Datuk-datuk dan Datin-datin, Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya merasa sukacita dan bersyukur kepada Allah kerana dengan izinNya saya berserta isteri saya dapat menunaikan jemputan Kerajaan Negeri membuat lawatan rasmi ke Negeri Sabah ini.

Lawatan in sungguh besar maknanya kepada saya, kerana inilah lawatan pertama kali saya sejak saya mengambil alih jawatan Perdana Menteri bulan September tahun lalu.

Bagi pihak isteri saya dan saya sendiri, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan dan rakyat Sabah yang telah membuat persiapan besar-besaran untuk sambutan yang hangat dan meriah sejak saya berserta rombongan tiba di Kota Kinabalu tiga hari yang lepas. Begitu juga dengan sambutan mesra yang ditunjukkan oleh rakyat di tempat-tempat yang saya pergi—di Tawau, Sandakan dan di Kudat. Ucapan terima kasih yang istimewa saya berikan kepada Ketua Pegawai Pelajaran, juga guru-guru dan kanak-kanak sekolah yang telah menunggu kedatangan saya beramai-ramai dari Tanjung Aru hingga ke Istana dan juga di bandar-bandar yang saya sebutkan tadi. Seluruh peristiwa ini akan menjadi kenangan indah untuk selama-selama.

Tuan Yang Terutama, Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya suka juga mengambil kesempatan di Majlis yang berbahagia ini, menyatakan perasaan terima kasih yang tidak terhingga atas kemurahan hati T.Y.T. Yang Dipertua Negara, mengurniakan saya bintang kebesaran Negeri Sabah ini, Seri Panglima Darjah Kinabalu. Pada anggapan saya, penghormatan yang besar ini, bukanlah untuk diri saya sendiri, bahkan ia merupakan penghormatan bagi Kerajaan Pusat dan rakyat

Malaysia seluruhnya. Pengurniaan yang mulia ini, saya terima dengan sepenuh keikhlasan dan tawaduz, disamping menegaskan ikrar dan azam hendak berbakti selagi ada hayat saya demi kepentingan rakyat Malaysia, dan rakyat Sabah khususnya. Begitu juga saya mengucapkan setinggi terima kasih kepada Kerajaan Sabah di atas Jamuan Makan Malam yang berbahagia serta gilang gemilang.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya merasa amat terharu dengan kata-kata pujian yang telah diberikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri sebentar tadi. Tiada apa yang dapat saya katakan selain dari mengulang azam dan tekad Kerajaan yang saya pimpin untuk berkhidmat kepada negara yang kita kasihi ini, dengan izin Tuhan, menjalankan segala langkah-langkah dan usaha-usaha yang bertujuan hendak meninggikan taraf hidup rakyat dan menjamin mereka serta keturunan akan datang, dengan kehidupan yang lebih sempurna.

Setakat yang mengenai Negeri Sabah ini, saya sukacita serta bersyukur, bahawa Sabah telah membuktikan hakikat perpaduan, sejak mencapai kemerdekaan dalam Malaysia dalam tahun 1963. Selama delapan tahun di dalam Malaysia, Kerajaan dan rakyat Sabah telah menunjukkan sepenuh-penuh taat setia dan rasa sehati dengan Malaysia, menempuh segala cabaran-cabaran dan dugaan-dugaan. Di bawah pimpinan Y.A.B. Tun Datu Haji Mustapha, yang mentadbirkan negeri ini, dengan tegas dan dinamis, bukan saja terdapat perpaduan di bidang pentadbiran, tetapi Sabah dengan berani menerima dan melaksanakan dasar-dasar kebangsaan, terutama sekali berhubung dengan penggunaan Bahasa Malaysia dan dasar pelajaran kebangsaan. Dengan hakikat ini, saya yakin dan percaya, di atas ketahanan dalam kebolehan kita untuk kekal hidup sebagai bangsa yang bersatu padu.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan pujian kepada rakyat Sabah atas sokongan mereka yang tidak berbelah bagi kepada Kerajaan Negeri dan seterusnya kepada Kerajaan Pusat. Kita telah bersama-sama menempuh dua ujian penting—mula-mulanya menentang konfrantasi Indonesia semasa rejim Sukarno dan kemudian, semasa negara kita menghadapi cabaran tuntutan Filipina ke atas negeri ini, tidak lama dulu. Syukur Alhamdulillah, berkat ketabahan hati dan kesetiaan rakyat, kita telah berjaya mengatasi masalah-masalah itu. Ujian-ujian seperti ini

meneguhkan semangat kebangsaan dan patriotism rakyat serta rasa perpaduan di kalangan mereka untuk menghadapi cabaran-cabaran masa depan.

Lawatan saya yang terakhir ke Sabah ialah dalam tahun 1968, tiga tahun yang lalu. Setelah melihat perkembangan-perkembangan dan pembangunan dan kemajuan yang pesat dalam masa tiga hari yang lepas ini, saya yakin Sabah mempunyai hari depan yang sangat cemerlang di mana rakyat akan dapat merasa nikmat kemerdekaan dalam suasana aman damai dan kemakmuran. Sebenarnya inilah janji suci saya kepada rakyat Sabah pada masa kita bersiap membentuk Malaysia dulu, iaitu supaya mereka dapat bersama-sama mengecap nikmat kemerdekaan yang dicita-cita itu. Yang sedikit, sama dirasai, sebagaimana kata pepatah "Hati kuman sama dicecah; hati gajah sama dilapah." (What little we have, we share together and likewise if the cake is bigger we hope each will have a bigger share). Saya bersyukur kepada Tuhan dapat berdiri di hadapan tuan-tuan sekelian malam ini, menunaikan kata-kata itu.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Negeri Sabah ini memang terkenal sebagai negeri yang kaya dengan pemberian alam berupa kayu-kayan yang bermutu dan isi bumi yang berbagai rupa. Di samping itu Kerajaan Negeri telah pun membuat rancangan-rancangan asasi atau infrastructure projects yang kukuh untuk membina landasan ekonomi yang teguh bagi kesejahteraan hidup rakyat. Bagaimanapun, kita seharusnya mengawasi dan membuat langkah-langkah perlu supaya kekayaan bumi negeri ini diolah atau dieksploitasi untuk kebajikan rakyat bersama. Potensi-potensi masih banyak untuk meluaskan bidang perindustrian terutama agro-based industries dan integrated-timber complex, bukan saja untuk meluaskan peluang pekerjaan bahkan mengawal supaya kekayaan alam digunakan untuk memberi munafaat sepenuhnya. Saya sukacita langkah-langkah ke arah ini sudah pun dimulakan oleh Yayasan Sabah yang telah banyak berbuat jasa selama tertubuhnya tidak lama dulu.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Di samping memenuhi keperluan-keperluan material sayugialah juga kita menitikberatkan usaha-usaha memenuhi keperluan-keperluan rohani (spiritual) berhubung dengan langkah-langkah

menentukan bentuk keperibadian bangsa atau national identity. Saya menghargai sepenuh-penuhnya usaha Kerajaan Negeri Sabah melaksanakan dasar pelajaran dan penggunaan bahasa penyatuan iaitu Bahasa Malaysia. Begitu juga usaha-usaha tegas memupuk unsur-unsur kebudayaan asli Bumiputera akan mengukuhkan tapak bagi membina kebudayaan kebangsaan yang kita cita-citakan itu.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Bagaimanapun, kita harus pula ingat bahawa dalam tempoh beberapa tahun akan datang ini kita akan menghadapi cabaran-cabaran besar kerana masih terdapat ranjau-ranjau bahaya yang mustahak pula kita bersama-sama menentanginya. Di Malaysia Barat dan juga di Sarawak, ancaman komunis yang militant masih berterusan mengganggu ketenteraman dan keselamatan negara.

Saya bersyukur bahawa Sabah hari ini merupakan satu "oasis of peace and tranquility". Tetapi kita perlu berwaspada istimewa terhadap angkara anasir-anasir anti-national dan golongan yang tidak bertanggungjawab di tengah-tengah masyarakat kita sendiri. Dalam tahun 1969 dulu, semasa Malaysia Barat menghadapi keadaan genting berpunca dari kerusuhan kaum, Sabah juga hampir-hampir mengalami kegentingan, tetapi berkat pimpinan yang tegas dari Y.A.B. Tun Datu Mustapha berserta rakan-rakannya, krisis yang buruk ini dapat dihindarkan. Baru-baru ini pun terdapat kejadian peristiwa yang tidak diingini terbit dari angkara anasir-anasir anti-nasional yang didorong oleh kepentingan-kepentingan luar—outside interest. Tujuan mereka ialah hendak memecahbelahkan rakyat negeri ini serta memburukkan nama Y.A.B. Ketua Menteri dan juga Malaysia di mata dunia. Syukur Alhamdulillah, keadaan ini dapat diatasi, dan keadaan yang tidak diingini dapat dibasmikan.

Saya sukacita, berkat kejujuran pimpinan Y.A.B. Tun Datu Mustapha, rakyat dapat menentukan dan memilih apa yang baik dan jalan yang benar. Taat setia rakyat yang tidak ragu-ragu kepada pimpinan Kerajaan menyekat usaha-usaha anasir anti-nasional ini supaya tidak meluas dan sentiasa terkawal. Dalam hubungan ini, saya ingin menegaskan iaitu Kerajaan Pusat sentiasa berdiri teguh bersama-sama Kerajaan Negeri, terutama dalam hal-hal yang menyentuh kepentingan negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Rasanya tidaklah perlu saya ulangi bahawa adalah dasar Kerajaan kita menjunjung tinggi prinsip Demokrasi, di samping mendidik rakyat kita supaya berpandu kepada Rukun Negara dalam kehidupan mereka. Perlembagaan Negara kita menjamin dengan tegas tentang kebebasan beragama meskipun kita menjadikan Islam agama yang rasmi. Oleh itu rakyat tidak seharusnya merasa bimbang dan ragu kerana Kerajaan Perikatan ada bersifat adil kepada semua pihak dan berhasrat mendirikan masyarakat yang adil dan saksama di mana kekayaan dan kesenangan dapat dinikmati oleh semua rakyat daripada semua bangsa dan keturunan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Tugas kita pada tahun-tahun akan datang ini adalah berat, tetapi selagi terdapat sokongan dan kerjasama rakyat, dan seterusnya usaha-usaha memupuk perpaduan serta harmoni, tidak ada masalah yang tidak dapat diselesaikan.

Saya baru saja mengumumkan garis-garis kasar Rancangan Lima Tahun Malaysia Kedua yang menitikberatkan Dasar Ekonomi baru Negara. Rakyat di Sabah ini juga akan mendapat bahagian yang saksama kerana seperti juga halnya dengan saudara-saudara kita di negeri-negeri bahagian lain, hasrat kita ialah supaya rakyat Malaysia seluruhnya meningkat maju sesuai dengan keadaan zaman, setanding dengan rakyat negara-negara yang maju dan moden. Menyambung pepatah yang saya katakan tadi "Bukit sama didaki, lurah sama dituruni" dan dengan semangat inilah akan terdapat perpaduan serta penyatuan masyarakat Malaysia seluruhnya.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Pada akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih yang tiada terhingga atas penghormatan Kerajaan Sabah atas diri saya dan berdoa semoga Allah lindungi kita semua dari segala bahaya dan berkat taufik dan hidayahNya kita akan dapat menikmati ke ambang kemajuan dan kemakmuran setaraf dengan negara yang maju dan moden seperti kita kehendaki. Saya berdoa ke hadrat Tuhan mudah-mudahan Allah panjangkan umur dan selamatkan Tuan Yang Terutama dan Toh Puan, Y.A.B. Ketua Menteri dan Toh Puan supaya terus berkhidmat memerintah Negeri Sabah ini untuk beberapa tahun yang akan datang.